



MAAL HIJRAH
1445H / 2023M



MALAYSIA
MADANI



جاءتكم آياتنا
إسلاماً مليئاً
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BULETIN KHAS

MAAL HIJRAH

1445H / 2023M

“PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI”

HIJRAH ITU
ANUGERAH TERINDAH

GAMBARAN
HIJRAH BAGINDA
AR-RASUL SAW

ANALISIS STRATEGI
HIJRAH NABI SAW

DARUL NADWAH
DAN BISIKAN SYAITAN

ABDULLAH URAIQIT:
PENUNJUK JALAN
JUJUR WALAU TIDAK
BERIMAN

DAR AL-ARQAM:
BERMULANYA GERAKAN
DAKWAH

BAGAIMANA
UNTUK ISTIQAMAH
DALAM BERTAUBAT



Rubaiyat Hijrah yang lain

Oleh:

Dr. Shamsudin Othman
Madrasah Sham Al-Johori



Setelah sekian lama kita bergelar pengembara
singgah memikul amanah dan janji
kini sudah tiba waktunya kita bersedia untuk pulang
menemui Yang Abadi empunya hakiki
pada ketika ruang waktu terhijab dalam rahsia-Nya.

Perjalanan selama ini sesuatu yang menduga iman
masa lalu menjadi kenangan yang tercabar
di hadapan masih ada ruang yang tak terfikirkan
antara kelam yang membayang di lembaran sejarah
dan terang yang bertingkah dalam cahaya takdir.

Hijrah insani ini terlalu sukar untuk diduga
kita cuba mengerti kekeliruan hasrat nafsu
menuntut ghairah makna dan janji
yang dilempiaskan oleh mimpi.

Inilah catatan yang ingin diungkap
kembali ke pangkal diri
mengenal diri mengenal Tuhan.
mengenal pahala mengenal dosa
mengenal syurga mengenal neraka.

Hijrah ini pelayaran abadi
di depan kita sebuah pangkalan
pulaunya adalah taman cinta Rabbul Izzati
indah dan damai tak terjangkau fikir.

Kutulis rubaiyat hijrah ini
untuk ditatap kenang
mengingat denyut insaf
meninggalkan jerit derita
yang terhukum oleh kejahilan diri
dan sesat dalam takrif manusiawi.
ketika menjejak daerah pedoman.



BULETIN KHAS
MAAL HIJRAH
1445H / 2023M

TAJUK	NAMA PENULIS	
PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI	Dr. Sani Badron	1
HIJRAH ITU ANUGERAH TERINDAH	Hj Mohd Meeftah bin Hj Anuar	2
GAMBARAN HIJRAH BAGINDA AR-RASUL SAW	Dr. Abd Gafur Arifin	5
ANALISIS STRATEGI HIJRAH NABI SAW	Prof Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi	9
ABDULLAH URAIQIT: PENUNJUK JALAN JUJUR WALAU TIDAK BERIMAN	Dr. Halim bin Ismail	11
DAR AL-ARQAM : BERMULANYA GERAKAN DAKWAH	Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan	13
DARUL NADWAH DAN BISIKAN SYAITAN	Dr. Muhaimin bin Mohamad Zaki	15
BAGAIMANA UNTUK ISTIQAMAH DALAM BERTAUBAT	Muhammad Iqwan bin Ahmad Zaidi	19

SIDANG REDAKSI

PENAUNG



Datuk Hajjah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT



Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

KETUA PENGARANG



Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)

PENGARANG



Mohd Meeftah Bin Anuar

PENOLONG PENGARANG



Nur Medihah Binti Rakes Junaidi

PENYUNTING



Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

PENGURUS EDARAN



Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

PEMBANTU EDARAN



Husna Salsabila Binti Al'ikhsan

PEMBANTU EDARAN



Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

REKABENTUK

Proyatt SDN.BHD



Hijrah itu Anugerah Terindah

Anotasi Pengarang :-

Hj Mohd Meeftah bin Hj Anuar

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penerbitan JAKIM

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah SWT yang memberikan kita pelbagai nikmat dan anugerah kurniaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW, junjungan mulia yang telah menggerakkan suatu transformasi yang besar dalam sejarah peradaban manusia dengan tuntunan risalah agung daripada Ilahi.

Marilah kita bersama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT, yang telah mengizinkan kita untuk terus hidup hingga ke saat ini. Kini kita di rezekikan sekali lagi menyambut tahun baru 1445 Hijrah, maka setahun lagilah usia kehidupan kita telah bertambah. Seharusnya nikmat kehidupan yang dikurniakan Allah SWT kepada kita ini tidak disia-siakan begitu sahaja. Wajarlah ia dimanfaatkan untuk meningkatkan amalan dan ketaqwaan sebagai bekalan untuk bertemu dengan-Nya di akhirat nanti.

Dengan kehadiran tahun baru Hijrah 1445H ini, marilah kita mengenang kembali peristiwa hijrahturrahul yang dilalui oleh Rasulullah SAW dan para sahabat Nabi SAW, ini selari dengan perintah al-Quran yang memerintahkan supaya manusia hendaklah senantiasa mengambil pengajaran daripada peristiwa yang dilalui oleh umat yang terdahulu sebagai iktibar, panduan dan peringatan untuk kita semua.

Lingkar sejarah telah melakarkan bagaimana Baginda Nabi SAW menanamkan semangat ukhuwah, kasih sayang, tolong menolong, pengorbanan, dan ketakwaan di dalam sanubari umat Islam ketika itu, khususnya antara golongan Muhajirin dan Ansar. Itulah elemen-elemen yang sangat penting bagi umat Islam dalam membentuk kekuatan di dalam sebuah organisasi atau anggota masyarakat.

Persaudaraan itu adalah anugerah, namun perlu diingat, ia juga suatu amanah dan tanggungjawab yang perlu di pelihara dan disempurnakan sebaiknya. Dalam konteks Islam, persaudaraan tersebut membawa implikasi bukan sekadar di dunia, malah membawa ke hari pengadilan kelak. Jika setiap anggota masyarakat menyedari bahawa persaudaraan itu adalah amanah, pasti semuanya akan bersedia untuk memenuhi tuntutannya. Dalam kita memelihara hubungan sesama insani, pastinya kita akan menjauhi kata-kata nista, keji, fitnah dan kotor terhadap sesama insan, begitu juga bersangka buruk, mengadu domba apatah lagi menzalimi sesama makhluk.

Di setiap detik kehidupan kita, selaraskanlah semua aktiviti kehidupan kita demi mencari keredhaan Allah SWT semata-mata. Jika semangat ini dapat dihayati dengan sebaiknya insya-Allah kita akan sentiasa dapat meneruskan kehidupan dengan aman, harmoni dan bahagia, sebagaimana bahagiannya kaum muhajirin dan ansar hasil tarbiah Rasulullah SAW.

Kita perlu bersama membentuk minda dan pemikiran yang positif. Sesuatu yang baik mestilah dimulakan dengan hijrah minda terlebih dahulu, kerana setiap perkara yang akan kita lakukan bermula dari minda. Jika kita memiliki minda yang negatif, natijahnya tindakan kita juga akan negatif. Jika kita memiliki minda yang positif, segala perancangan akan lebih mudah direncanakan. Begitulah kuasa minda mempengaruhi kehidupan kita.

Semoga semangat Hijrah 1445H, bisa memacu kekuatan ukhuwah di antara kita seterusnya membugar nikmat persaudaraan dan keharmonian yang sekian lama kita kecapai dan nikmati. Bersyukurlah dan ketahuilah, HIJRAH ITU ANUGERAH TERINDAH.



PERPADUAN TERAS *Malaysia Madani*

oleh :-

Dr. Sani Badron

Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Perpaduan merupakan tunjang kepada Masyarakat Madani, yang maju bukan hanya dari segi kebendaan tetapi juga fikrah dan kerohanian. Al-Quran menyatakan sekiranya Allah berkehendak, nescaya semua manusia dijadikan-Nya satu umat sahaja, yang bercakap menggunakan satu bahasa, memiliki perangai yang sama, serupa keadaan fizikal dan gender, serta seragam iklim dan musim.

Namun sebaliknya Allah hendak menguji keikhlasan manusia kepada-Nya Pencipta kepelbagaian. Justeru wujud kepelbagaian keupayaan dan keinginan, profesion dan pekerjaan; dan manusia diseru agar berlumba-lumba berbuat kebajikan (al-Ma'idah, 5: 48), bukan merosakkan dan bermusuhan antara satu dengan yang lain.

Kepelbagaian gender dan bangsa diberikan matlamat yang mulia dalam ayat universal surah al-Hujurat, 49: 13,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ
أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

"Hai sekalian manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu semua dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

UKURAN KEMULIAAN: ILMU, AKHLAK DAN JASA

Kriteria kemuliaan ialah ketaqwaan, yang terdiri daripada ilmu, akhlak, adab dan jasa ikhlas membangun peradaban bangsa. Kuasa, pangkat, harta dan warna kulit bukan ukuran Islam. Dalam praktis Nabi SAW dan para sahabat di Madinah, tidak wujud penganiayaan berdasarkan kaum kelahiran atau warna kulit. Bahkan sejarah merakamkan dengan tinta emas, bagaimana seorang Islam yang berkulit coklat dan berhidung pesek mungkin saja meraih taqwa, kemuliaan, dan kepimpinan masyarakat Madinah, seperti Bilal bin Rabah.

Seorang bekas abdi kulit hitam yang bernama Zayd bin Harithah pula telah dimerdekakan oleh Rasulullah SAW, dan diambil sebagai anak angkat. Beliau satu-satunya Sahabat yang mendapat penghormatan namanya disebut secara langsung dalam al-Qur'an (al-Ahzab, 33: 37). Hasil perkahwinannya dengan Umm Ayman Barakah yang juga bekas hamba yang dimerdekakan ialah seorang putera yang bernama Usamah. Beliau dilantik Nabi SAW menjelang kewafatannya sebagai pemimpin kepada angkatan tentera yang membariskan tokoh ternama Quraisy seperti Abu Bakar, 'Umar, Khalid ibnul Walid, Abu 'Ubaydah, Talhah, dan Zubayr.



Demikian pelaksanaan seruan Perpaduan dalam surah al-Nisa' (4:1),

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وَبَنَاتًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

"Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari satu diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah mengembang biakkan laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling berurusan satu sama lain, dan peliharalah hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah sentiasa menjaga dan mengawasi kamu."

Ayat tersebut memberikan panduan bahawa meskipun wujud kepelbagaian, namun masing-masing tetap ada kewajiban untuk mengusahakan perpaduan dengan yang lainnya, berdasarkan kepada hakikat sifat kemanusiaan, sama seketurunan dicipta-Nya daripada tanah daripada satu bapa dan ibu iaitu Adam dan Hawa', sama-sama bersaudara biologikal seolah-olah abang, kakak dan adik-beradik. Masyarakat Madani mampu mencapai kemajuan yang seimbang tanpa perlu membelakangkan orang yang berlainan warna kulit, berlainan kaum, berlainan bahasa, atau berlainan jantina.

Saling Kenal Mengenal (*Ta' āruf*)

Ke arah memperkukuh masyarakat Madani yang membangun dari segi kecerdasan dan hati, sains, teknologi dan telekomunikasi, kita wajib untuk saling kenal-mengenal. Li-ta' ārafū, bahawa kesemua suku-kaum dan bangsa, individu lelaki dan wanita, semua ialah satu keluarga manusia yang mulia, yang perlu hormat-menghormati dan saling melindungi satu sama lain. Kita harus menghargai perpaduan manusia yang hakiki, yang lebih utama daripada perbezaan luaran. Perbezaan luaran hanyalah semacam label untuk memudahkan kita mengenal ciri dan sifat-sifatnya, bukan untuk melakukan kezaliman dan penindasan.

Nilai-nilai penting masyarakat seperti Keamanan, Kedamaian dan Ketenteraman adalah antara anugerah tertinggi daripada Tuhan. Islam mewajibkan hubungan sesama manusia berdasarkan rasa belas-ihsan, kemesraan dan setiakawan. Ia menggalakkan sifat berlapang dada, saling memaafkan kelemahan, bermurah hati, ramah-tamah, dan sukacita apabila orang lain meraih kejayaan dan kemakmuran.

Rasulullah SAW menganjurkan berbelas-kasih dan sopan-santun dalam perhubungan. Sabdanya, "Kasihilah buat manusia yang lain apa yang anda kasih buat diri sendiri" (riwayat al-Bukhari dalam al-Ta' rikh). Dalam kesempatan lain, Baginda SAW menasihatkan, "Sesiapa yang tidak sayang kepada manusia, tidak disayangi (oleh Allah)" (riwayat al-Bukhari) dan, "Hati itu cinta kepada mereka yang baik kepadanya dan benci kepada mereka yang menyakitinya" (riwayat al-Baihaqi). Justeru ulama mentafsirkan riwayat "Cintakan watan sebahagian daripada iman" tak lain tak bukan merujuk kepada faktor belas-ihsan kepada golongan fakir miskin yang tidak berdaya dan kasih-sayang sesama saudara senegara.

PERPADUAN ANTARA KAUM DAN BAHASA

Menurut sejarah, negara kita Malaysia terletak dalam kawasan yang dahulunya adalah sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu-Islam sebelum zaman Penjajahan Kuasa-Kuasa Barat seperti Portugis dan Belanda. Mulai akhir abad ke-18 hingga 19, kita dijajah oleh Inggeris (oleh Jepun antara tahun 1942-1945). Dasar utama Inggeris adalah menggalakkan kedatangan kaum Cina dan India untuk bekerja di negara ini, sebagai pembekal barangan keperluan atau komoditi kepada British dan negara-negara Barat yang sedang pesat mengalami revolusi industri.

Apabila kita merdeka sebagai Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1957, dan dengan pembentukan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak dalam tahun 1963, maka negara kita sekarang ini mempunyai komposisi kaum yang unik lagi istimewa, yang mencerminkan bangsa besar Dunia. Bayangkan bahawa untuk tiap 10 orang di Malaysia terdapat 5 Melayu, 1 Bumiputera lain (seperti etnik Siam, dan peribumi Sabah dan Sarawak seperti Iban, Kadazan-Dusun dan Bajau), 2 Cina, 1 India, dan 1 lain-lain.

Dari sini terbayang kepelbagaian bahasa: tahukah kita, bahawa warga Malaysia seluruhnya bertutur dalam sejumlah 137 bahasa hidup? Sementara bahasa kebangsaan berperanan menyatukan kita, Malaysia turut diperkayakan dengan bahasa Iban, Dusun, Tamil, dan pelbagai bahasa daerah selatan China seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew, Fuchow dan Hainan. Justeru peranan bahasa kebangsaan yang amat penting untuk menjadi saluran perhubungan yang sejahtera pada peringkat nasional.

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافَ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berilmu" (al-Rum, 30: 22). Mari bersama kita syukuri, dalam kesungguhan mendaulatkan bahasa kebangsaan bahasa perpaduan, tiada bahasa dan bangsa yang dinafikan ruang dan peluang yang seadilnya.

PERPADUAN ANTARA PENGANUT AGAMA

Agama-agama lain di dunia juga hidup bertumpu di Malaysia seperti Kristian, Hindu, Buddha, dan ajaran Lao Tzu dan Kung Fu Tzu. Sebagai menghormati kepercayaan nan pelbagai, Perlembagaan Malaysia menjamin kebebasan beragama, sungguhpun Islam selaku agama yang paling ramai penganutnya merupakan agama bagi Persekutuan.

Keamanan dan rukun-damai amat penting, kerana untuk tiap 10 warga Malaysia terdapat 6 orang Islam, 2 Buddha, 1 Kristian, dan 1 agama-agama lain, seperti Taoisme, Hinduisme, Sikhisme, dan pelbagai lagi. Keadilan dan kesaksamaan turut merangkum kepelbagaian dalam sistem kehakiman: Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah (berasaskan mazhab imam Syafi'i), dan Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.

Allah melarang kita daripada menghina benda-benda sembahsan penganut agama lain, kerana akan menimbulkan kemarahan, dendam dan kedengkian, hingga mereka membalas menghina Allah secara yang melampaui batas permusuhan dan dengan ketiadaan pengetahuan (al-An'am, 6: 108).

Jelas bahawa sentimen mementingkan kejahilan diri, semangat berpuak-puak dalam kezaliman, bermusuhan dan saling membenci tidak wajar digalakkan di bumi bertuah ini. Aset kita yang paling mahal ialah Warga Malaysia yang mengutamakan kerukunan, kedamaian dan kesepakatan dalam menghadapi pelbagai cabaran dalaman dan luaran untuk menongkah masa depan, selaras dengan tema Perpaduan Teras Malaysia Madani.



Gambaran Hijrah

Baginda Ar-Rasul SAW

Oleh:

Dr. Abdul Gafur Arifin
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Hijrah Baginda Rasulullah SAW adalah peristiwa bersejarah di dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW. Hijrah terjadi pada tahun 622 Masihi (tahun 1 Hijriyah) dan melambangkan perpindahan Nabi Muhammad SAW beserta para pengikutnya dari Mekah ke Madinah. Gambaran hijrah ini memiliki banyak makna, hikmah dan pelajaran yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. **Berikut adalah gambaran umum tentang hijrah Baginda Rasulullah SAW, hikmah dan aplikasinya:**

Penindasan Quraisy terhadap kaum Muslimin:

Hijrah Rasulullah SAW terjadi akibat dari penindasan yang dialami oleh Nabi dan kaum Muslim di Mekah. Masyarakat Mekah pada saat itu sangat keras terhadap ajaran Islam dan menyebabkan kondisi yang sangat tidak aman bagi Nabi Muhammad SAW dan pengikutnya. Pemerintah Mekah, termasuk suku Quraisy yang berkuasa, sangat menentang ajaran baru ini yang mengancam kekuasaan dan kepercayaan mereka. Ini adalah gambaran penindasan kaum majoriti non-Muslim terhadap kaum Muslim minoriti, dan senario sebegini masih saja berlaku hingga kini, terutama di negara-negara yang berpenduduk minoriti Muslim di penjuru dunia.

Persiapan dan perintah Hijrah:

Sebelum melakukan Hijrah, Nabi Muhammad SAW menerima wahyu daripada Allah SWT untuk berpindah ke Madinah. Ia mulai mempersiapkan rencana dan melakukan langkah-langkah untuk memastikan keberhasilan Hijrah. Salah satu langkah penting adalah meminta pertolongan kepada sahabatnya, Abu Bakar as-Siddiq, untuk menyusun rencana, menyediakan kenderaan dan apa-apa yang diperlukan.

Perjalanan hijrah ini bukan helah nabi dan para pengikutnya untuk melarikan diri dari ancaman musuh, akan tetapi ia dilaksanakan kerana perintah Allah semata. Para sahabat dan pengikut mentaati perintah Rasul untuk berhijrah dengan penuh keikhlasan, keyakinan dan keberanian tanpa ada rasa takut dan cemas atas apa-apa ancaman sekalipun. Nyawa dan harta digadaikan untuk agama Allah semata, ia menzahirkan kepatuhan mereka pada perintah Allah dan Rasul.



Rencana rahsia dan perjalanan ke Madinah:

Hijrah direncanakan secara rahsia untuk menghindari pengejaran dan penangkapan oleh orang-orang Mekah. Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar meninggalkan Mekah pada malam hari, menuju ke arah yang berlawanan dengan jalan yang biasa ditempuh oleh karavan-karavan Mekah. Mereka bersembunyi di Gua Tsur selama beberapa hari untuk menghindari pasukan suku Quraisy. Setelah beberapa hari berlalu, Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar melanjutkan perjalanan mereka ke Madinah. Mereka menggunakan beberapa jalan yang berbeza untuk mengelabui pandangan suku Quraisy. Di sepanjang perjalanan, Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar mendapat bantuan dan perlindungan daripada beberapa suku Arab yang tidak berafiliasi dengan Mekah. Hikmah aplikasinya dalam kehidupan kita adalah perencanaan yang matang dan teliti dalam menjalankan suatu rencana adalah setengah dari kejayaan.



Penerimaan masyarakat di Madinah dan pusat pemerintahan Islam:

Ketika Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar tiba di Madinah, mereka disambut dengan sukacita oleh masyarakat Madinah yang telah mendengar tentang ajaran Islam. Penduduk Madinah dengan hangat menyambut Nabi Muhammad SAW dan para pengikutnya. Masyarakat Madinah menunjukkan solidariti dan saling membantu dalam membangun masyarakat Muslim yang baru.

Hijrah Baginda Rasulullah SAW adalah momen penting dalam sejarah Islam. Hijrah membawa perubahan besar dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW dan masyarakat Muslim. Madinah menjadi pusat pemerintahan Islam dan tempat penyebaran ajaran Islam yang lebih luas.

Keteguhan dan ketabahan dalam menghadapi ujian:

Hijrah merupakan peristiwa yang penuh dengan ujian dan kesulitan. Baginda Rasulullah SAW dan para sahabatnya menghadapi ancaman yang berat dari musuh-musuh mereka di Mekah. Namun, mereka tetap teguh dan tabah dalam keyakinan mereka kepada Allah SWT. Hikmah yang dapat diambil adalah pentingnya memiliki ketabahan dan keteguhan dalam menghadapi ujian hidup, serta menjaga keyakinan kita kepada Allah SWT.

Keyakinan penuh kepada Allah:

Hijrah juga menunjukkan kepercayaan dan kebergantungan yang mutlak kepada Allah SWT. Rasulullah SAW dan para sahabatnya meninggalkan rumah dan harta benda mereka, serta merelakan segala kenyamanan demi mentaati perintah Allah. Mereka yakin bahwa Allah akan melindungi dan memberikan pertolongan kepada mereka. Hikmah yang dapat diambil adalah pentingnya memiliki kepercayaan penuh kepada Allah dalam setiap langkah hidup kita, dan berserah diri sepenuhnya kepada-Nya. Apabila kita telah memenuhi segala hak-hak agama Allah, yakinlah Allah pun akan memenuhi segala hak-hak hamba-NYA.





Pentingnya persaudaraan, solidariti dan kerjasama:

Hijrah juga mengajarkan pentingnya persaudaraan dan kerjasama dalam mencapai tujuan bersama. Rasulullah SAW dan para sahabatnya menjalin hubungan yang erat di antara mereka dan membentuk komuniti yang kukuh di Madinah. Mereka saling membantu, bekerjasama, dan menghargai satu sama lain. Hikmah yang dapat diambil adalah pentingnya membangun persaudaraan dan kerjasama dalam keluarga, masyarakat, dan umat Islam secara luas (ukhuwah Islamiah).

Hijrah Rasulullah SAW juga mengajarkan pentingnya persaudaraan dan solidariti di antara umat Islam. Rasulullah SAW membina hubungan yang kuat antara Muslim Muhajirin (imigran dari Mekah) dan Muslim Ansar (penduduk Madinah). Mereka saling membantu, dan merawat satu sama lain dalam membangunkan komuniti yang kukuh. Aplikasinya adalah kita harus mengutamakan persaudaraan dan solidariti dalam kehidupan sehari-hari, baik sesama Muslim mahupun dengan orang-orang di sekitar kita.

Persiapan mengorbankan diri untuk agama:

Hijrah mengajarkan kita tentang pengorbanan yang luar biasa. Rasulullah SAW dan para sahabatnya rela meninggalkan kampung halaman mereka, keluarga, dan harta benda demi menyebarkan agama Islam. Mereka memperlihatkan kesediaan untuk mengorbankan segala sesuatu demi kebenaran dan agama Allah. Hikmah yang dapat diambil adalah pentingnya sikap rela berkorban untuk kebaikan agama, baik dalam bentuk waktu, tenaga, atau harta benda. Semua pengorbanan tersebut bukanlah dilakukan dengan sia-sia tetapi akan menjadi amal jariah di yaumul qiyamah kelak, serta menjadi Qudwah bagi umat Muslim lainnya.

Perjuangan untuk mencipta keadilan dan kebaikan:

Hijrah juga merupakan langkah awal dalam perjuangan Rasulullah SAW untuk mencipta masyarakat yang adil dan sejahtera di Madinah. Rasulullah SAW dan para sahabatnya membentuk kontrak sosial (Piagam Madinah) yang menjamin keselamatan dan keadilan bagi semua penduduk kota. Baginda membangun masyarakat Madinah yang berdasarkan prinsip-prinsip keadilan, kesetaraan, dan perlindungan terhadap hak-hak individu. Aplikasinya adalah kita juga harus berupaya untuk menegakkan keadilan dalam kehidupan sehari-hari. Kita harus adil dalam perlakuan kepada sesama, menghormati hak-hak individu, dan bekerja untuk membangun masyarakat yang adil dan beradab.



Ketekunan dalam beribadah:

Hijrah Rasulullah SAW menunjukkan ketekunan Baginda dalam beribadah kepada Allah SWT. Rasulullah SAW menghadapi berbagai tentangan dan rintangan dalam perjalanan hijrah, namun tidak pernah melupakan kewajibannya untuk beribadah. Baginda selalu melaksanakan solat, membaca al-Quran, berdoa, dan berzikir dalam kehidupan sehari-hari. Aplikasinya adalah kita juga harus menjaga ketekunan dalam beribadah dan tidak melupakan kewajiban kita sebagai hamba Allah, meskipun dalam situasi yang sulit sekalipun.

Keberanian dan ketauladanan pemimpin dalam menghadapi tentangan:

Hijrah Rasulullah SAW menunjukkan keberanian dan keteguhan hati dalam menghadapi tentangan dan bahaya yang datang semasa perjalanan hijrah. Beliau menghadapi ancaman daripada musuh-musuh Islam ketika itu, namun tetap teguh dalam keyakinan dan tugasnya. Aplikasinya adalah kita harus memiliki keberanian dalam menghadapi tentangan dalam kehidupan sehari-hari, baik itu dalam menjalankan agama, mencapai tujuan, atau menghadapi kesulitan. Dengan memiliki keberanian, kita dapat mengatasi rintangan dengan optimis dan kesabaran. Hijrah Baginda Rasulullah SAW memberikan inspirasi keteladanan bagi para pemimpin dalam menjalani kehidupan ini dengan penuh keimanan, ketabahan, dan pengorbanan demi agama dan kebaikan umat manusia.

Perubahan dan Adaptasi:

Hijrah Baginda Rasulullah SAW juga mencerminkan sikap perubahan dan adaptasi dalam menghadapi situasi baru. Beliau meninggalkan kota kelahirannya dan memulakan kehidupan baru di Madinah. Rasulullah SAW dan para sahabatnya beradaptasi dengan lingkungan baru, membangun pemerintahan, dan menyusun aturan-aturan yang relevan dengan keadaan baru tersebut. Aplikasinya adalah kita juga perlu memiliki sikap perubahan dan adaptasi dalam menghadapi perubahan dalam kehidupan kita. Kita harus menyesuaikan diri dengan situasi baru, belajar dari pengalaman, dan mengembangkan strategi baru untuk mencapai tujuan kita.



Inilah beberapa gambaran hijrah dan hikmah yang dapat diambil dari peristiwa Hijrah serta aplikasinya di dalam kehidupan harian umat Islam. Secara keseluruhan, hijrah Baginda Rasulullah SAW bukan hanya semata-mata peristiwa sejarah yang perlu kita ketahui dan pelajari sahaja, akan tetapi ia mengajarkan banyak nilai dan pelajaran berharga yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Dengan mengamalkan nilai-nilai ini, kita dapat memperkuat iman, menjalani kehidupan dengan keberanian dan ketekunan, membangun persaudaraan dan solidariti, beradaptasi dengan perubahan, serta menegakkan keadilan dalam masyarakat.



Analisis Strategi Hijrah Nabi



Oleh:

Prof Madya Dr. Ahmad Sanusi Azmi
Universiti Sains Islam Malaysia

Mukadimah

Walaupun Rasulullah merupakan insan yang berada di bawah lembayung lindungan Ilahi, Baginda masih bertindak dan mengatur gerak seperti manusia biasa. Boleh sahaja Rasulullah keluar tanpa sebarang perancangan kerana meyakini pengawasan dari Allah, namun ini bercanggah dengan prinsip yang digariskan oleh agama. Secara asasnya, setiap manusia perlu mengatur strategi bagi mencapai objektif yang telah disasarkan. Hanya setelah usaha dan perancangan itu dilaksanakan, barulah diserahkan segala urusan gerak atur tersebut kepada Allah. Dalam operasi hijrah Nabi, terdapat banyak pertembungan strategi di antara Rasulullah dan pihak Quraisy. Masing-masing menyusun langkah bersulam tekad bagi menggapai matlamat yang telah dirangka. Quraisy pada hakikatnya telah berjaya menjejaki laluan Baginda apabila mereka berjaya sampai ke kemuncak Gua Thur, namun ketentuan Allah mengatasi buah akal dan kudrat manusia. Baginda akhirnya berjaya lolos dengan strategi serta campur tangan Ilahi (divine intervention).

Pemilihan Masa Yang Tepat

Menekuni lembaran sirah, kita sudah pasti dapat mengenal pasti beberapa strategi yang telah direncanakan oleh Baginda Nabi dalam permulaan langkah menuju ke Madinah. Berdasarkan riwayat al-Bukhari, Rasulullah dikatakan telah memulakan langkah hijrah pada siang hari. Sesi pertemuan sulit ini berlaku di kediaman Saidina Abu Bakar seperti yang diceritakan oleh Saidatina Aisyah:

فَبَيْنَمَا نَحْنُ يَوْمًا جُلُوسٌ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ فِي نَحْرِ الظُّهَيْرَةِ، قَالَ قَائِلٌ لِأَبِي بَكْرٍ: هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَمِّعًا، فِي سَاعَةٍ لَمْ يَكُنْ يَأْتِينَا فِيهَا

Maksudnya: "Ketika kami sedang duduk di rumah Abu Bakar pada waktu tengah hari yang sangat panas, tiba-tiba seseorang berkata kepada Abu Bakar: Ini adalah Rasulullah (yang datang) dalam keadaan kepalanya yang bertutup, pada waktu yang tidak pernah dia datang kepada kami (seperti itu)."

(Sahih al-Bukhari)

Malah penampilan Rasulullah berlainan dari biasa. Baginda datang dalam keadaan menutup kepalanya seakan-akan ia sedang menyembunyikan identiti dirinya dari dikenali oleh orang yang lalu lalang. Tindakan Rasulullah ini dapat dibaca oleh Abu Bakar apabila beliau menyatakan bahawa Baginda Nabi tidak akan datang pada waktu sebegini melainkan Baginda telah diarahkan sesuatu.

Perhatikan pemilihan masa yang dilakukan oleh Rasulullah serta penampilan yang samar ini menunjukkan strategi awal Baginda dalam melancarkan operasi hijrah buat mereka berdua. Di dalam pertemuan tertutup inilah perencanaan strategi hijrah berlaku di mana individu-individu di dalam rumah tersebut akan terlibat dalam operasi sulit ini. Sehingga riwayat tersebut menyebutkan bagaimana Saidatina Asma mengoyakkan tali pinggangnya sehingga mendapat jolokan Zaton Nitaqayn.

Menurut riwayat Ibn Ishaq pula, operasi keluar dari Mekah berlaku pada malam hari sehingga Saidina Ali dikatakan bertindak sebagai individu penyamar yang menggantikan tempat tidur di kamar Rasul. Strategi ini dirangka sebagai "diversion" iaitu lencongan perhatian serta penangguhan masa (buying time) bagi membolehkan Rasulullah dan Abu Bakar keluar dari Mekah dalam masa yang strategik. Saidina Ali yang berada di posisi sedemikian jelas bagi mengelirukan perhatian musuh yang menjangkakan Nabi masih berada di rumah Baginda. Kedua-dua riwayat mengenai masa penghijrahan Nabi ini menggambarkan bagaimana Rasulullah merancang dan memilih masa yang sesuai dalam setiap gerak langkah Baginda.



Meletakkan Haluan Yang Samar

Menarik juga untuk dibincangkan di sini mengenai haluan dan arah perjalanan Baginda. Setelah Rasulullah keluar dari Mekah, Baginda tidak menuju ke arah utara iaitu arah di mana terletak Madinah, tetapi sebaliknya Rasulullah menuju ke arah selatan iaitu ke arah Yaman. Lokasi hentian pit (pit stop) pertama Rasulullah ialah di Gua Thur yang terletak sekitar lima batu di selatan Mekah. Andai sekiranya seseorang itu ingin menuju ke Yathrib, sudah pasti dia akan bergerak ke arah utara, namun ini tidak berlaku dalam hijrah Nabi. Baginda sebaliknya menuju ke arah selatan. Langkah ini jelas menunjukkan strategi Baginda yang ingin mengelakkan diri dari dikesani musuh malah persembunyian di Gua Thur memberikan ruang kepada Rasulullah untuk menganalisis pergerakan Quraisy yang cuba mendapatkan Baginda.

Fuhairah membantu mereka mengisi minyak (bekalan makanan) yang cukup buat perjalanan sekitar seminggu lebih. Malah penginapan di Gua Thur adalah bagi memberikan masa yang cukup buat Abdullah bin Urayqit, iaitu penunjuk jalan untuk mendapatkan mereka berdua. Dalam kehalusan perancangan yang dilaksanakan oleh Rasulullah ini, pihak Quraisy masih berjaya mengesani jejak mereka sehinggalah mereka berjaya sampai di puncak Gua Thur. Di sinilah campur tangan Ilahi berlaku sehingga Allah mengaburkan pandangan mereka sehingga mereka terhijab seperti mana pandangan mereka dikelirukan saat Baginda keluar pada malam hari dari Mekah.

Strategi serta perencanaan rapi yang dilakukan oleh Rasulullah ini jelas memberikan kepada kita pengajaran bahawa setiap apa yang dilakukan oleh seorang muslim itu mestilah dirancang terlebih dahulu. Mereka yang gagal merencana objektif kehidupan akan menjerumuskan dirinya ke dalam kegagalan. Semoga Allah membimbing kita.



Abdullah Uraiqit : PENUNJUK JALAN JUJUR WALAU TIDAK BERIMAN

Oleh:

Dr. Halim Bin Ismail
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pendahuluan

Seungguhnya perjalanan dakwah Rasulullah SAW dipenuhi dengan pelbagai bentuk cubaan dan rintangan. Antaranya ialah Baginda dan para sahabat telah disiksa dan ditindas oleh penduduk musyrikin Quraisy Makkah. Akhirnya, Allah SWT telah memerintahkan kepada Baginda untuk berhijrah ke Madinah. Ringkasnya, ketika Rasulullah SAW ditemani oleh Saidina Abu Bakar RA untuk bertolak ke Madinah, sekelompok kaum Quraisy telah merancang untuk membunuh baginda.

Justeru, Saidina Abu Bakar RA telah mengupah seorang musyrik yang tahu tentang selok belok laluan untuk ke Madinah. Beliau ialah Abdullah bin Uraiqit. Pada ketika itu, Abdullah adalah seorang penyembah berhala dan tidak memeluk Islam. Di dalam suatu hadis, Saidatina Aisyah RA bersabda yang bermaksud:

Rasulullah SAW, dan Abu Bakar mengupah seorang lelaki dari Banu al-Dil sebagai pembimbing, dan dia berada di atas agama orang-orang kafir Quraisy, mereka bertemu dengannya, dan mereka berjumpa dengannya di gua Thur selepas tiga malam, dan bertolak pada pagi yang ketiga.
(Riwayat al-Bukhari)

Saidina Abu Bakar RA telah meminta Abdullah menjadi penunjuk jalan ke Madinah. Namun beliau meminta agar perjalanan ini dirahsiakan. Sekiranya maklumat ini bocor, nyawa beliau dan Rasulullah SAW akan terganggu. Hal ini kerana, musyrikin Quraisy telah menawarkan tawaran sebanyak 100 ekor unta bagi sesiapa yang dapat menemui Rasulullah SAW dan membunuhnya. Dengan panduan Abdullah, Rasulullah bersama Abu Bakar tiba di Madinah dengan selamat melalui laluan pantai, sebagaimana dinyatakan oleh Sa'id Ramadan al-Buti di dalam bukunya Fiqh Sirah.

Siapa Abdullah bin Uraiqit

Abdullah bin Uraiqit, adalah pemandu arah Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar RA dalam perjalanan hijrah mereka dari Mekah Madinah. Abdullah telah diupah oleh Abu Bakar RA untuk membawa beliau dan Rasulullah SAW untuk berhijrah dari kota Mekah ke Madinah dengan menggunakan laluan yang berbeza dan jarang dilalui oleh orang lain. Hal ini membolehkan Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar RA selamat tiba di Madinah.

Walaupun Abdullah bin Uraiqit seorang musyrik, tetapi beliau sangat jujur dan amanah. Beliau tidak memberitahu tentang keberadaan Rasulullah SAW di dalam Gua Thur kepada musyrikin Quraisy. Walhal, beliau boleh mendapat upah yang banyak jika melaporkan perkara tersebut sehingga tertangkapnya Baginda.

Tugas Abdullah bin Uraiqit yang merupakan tokoh terakhir dalam misi hijrah ini adalah untuk menyediakan dua ekor unta sebagai persiapan perjalanan hijrah, di samping menyelidik laluan hijrah yang tidak diketahui ramai.

Beliau merupakan pilihan pemandu arah yang sesuai disebabkan beberapa faktor:

1. Beliau merupakan seorang musyrikin Mekah pada masa itu. Hal ini menyebabkan Quraisy Mekah tidak menjangka bahawa beliau akan membantu baginda berhijrah.
2. Beliau bersifat amanah dengan tidak mendedahkan rahsia.
3. Beliau memenuhi janji yang termeterai antara beliau, Baginda Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar RA.
4. Bersifat berani. Beliau tidak takut dan sanggup mengambil risiko jika orang kafir Quraisy mengetahui rahsia ini.
5. Keyakinan beliau terhadap dirinya dan kemahirannya tentang jalan-jalan di padang pasir, sehingga dapat mengalihkan pandangan orang-orang musyrik daripada menjejaki perjalanan hijrah Rasulullah SAW. Walaupun terdapat ramai pemandu arah dalam kalangan Quraisy yang mengetahui jalan-jalan di padang pasir, Ibn Uraiqit memiliki kebolehan yang berbeza.

Menyentuh tentang agama beliau, Ibn Hajar dan Abdul Ghani al-Maqdisi menyatakan bahawa Abdullah bin Uraiqit ialah seorang pemuda kafir Quraisy Mekah di zaman Rasulullah SAW dan tidak memeluk Islam. Walaubagaimanapun menurut Imam Syamsuddin al-Zahabi, beliau akhirnya masuk Islam dan tergolong dalam kalangan para sahabat. Wallahu a'lam.

Meminta Pertolongan daripada orang bukan Islam dalam urusan dakwah

Bolehkah meminta pertolongan daripada orang bukan Islam dalam urusan dakwah? Menurut Dr. Abd al-Karim Zaidan di dalam bukunya al-Mustafad, dibolehkan pendakwah meminta pertolongan daripada orang bukan Islam selama mana mereka boleh dipercayai. Hal ini kerana Nabi SAW dan Saidina Abu Bakar sendiri telah mengupah seorang musyrik untuk membimbing mereka semasa hijrah, menyediakan unta dan membuat perjanjian dengannya di Gua Thur.

Ini menunjukkan bahawa terdapat golongan bukan Islam yang dapat membantu dakwah Islam. Antaranya mungkin disebabkan mereka memiliki faktor hubungan kekeluargaan dengan pendakwah, ajaran agama lampau (yang baik), faktor kejiranan, ataupun golongan bukan Islam yang meminati kerja-kerja kebajikan. Para pendakwah boleh mengambil peluang daripada nilai-nilai murni yang ada pada diri mereka bagi memantapkan kerja-kerja dakwah.

Kesimpulan

Hijrah mengingatkan kita tentang pengorbanan Nabi Muhammad SAW yang berdepan dengan ancaman daripada kaumnya demi menyebarkan Islam. Peristiwa hijrah juga memperlihatkan kepada kita tentang pelbagai mukjizat luar biasa yang terjadi kepada Nabi Muhammad SAW sebagai bantuan Allah SWT terhadap Rasul-Nya. Kebijaksanaan Rasulullah SAW juga terserlah dengan mengatur pelbagai strategi dan menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak, sama ada sesama muslim ataupun bukan Islam demi memastikan agama Islam dapat ditegakkan. Kita seharusnya mengambil sebanyak mungkin iktibar daripada peristiwa hijrah ini demi membawa perubahan yang positif kepada agama, bangsa dan negara.

DAR AL-ARQAM

Bermulanya Gerakan Dakwah



Oleh:

Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dar merupakan perkataan bahasa Arab yang bermaksud rumah. Merujuk kepada rumah seorang pemuda Muslim antara yang terawal memeluk Islam bernama al-Arqam bin Abi al-Arqam. Beliau telah mewaqafkan rumahnya kepada gerakan Islam pertama setelah urusan dakwah sedikit berkembang demi menyampaikan Islam kepada muslimin yang terawal.

Fasa awal Islam oleh ulama yang mengkaji sirah seperti syeikh Saied Ramadhan al-Buti dalam kitabnya Fiqh Sirah merupakan fasa berdakwah secara rahsia sekitar 3 tahun pertama setelah Nabi diutuskan. Pada fasa ini walaupun ancaman Quraisy belum terserlah, namun Baginda SAW diwahyukan oleh Allah SWT supaya berahsia dan berhati-hati demi menjaga kumpulan umat Islam yang pertama memeluk Islam.

Begitulah juga selepas masuk ke fasa Baginda menyampaikan dakwah secara terang-terangan, menuntut kerahsiaan supaya kumpulan pertama ini terus ditanam dengan kefahaman Islam yang jitu sebelum masuk ke fasa seterusnya iaitu fasa pertembungan dengan masyarakat jahiliah.

Fasa kerahsiaan dakwah ini menuntut supaya adanya suatu tempat perkumpulan ataupun markaz bagi tujuan proses tarbiyah dengan murabbi agung pertama dapat dicapai dengan baik.

Markaz ini juga tidak boleh berlaku di rumah-rumah mereka yang terkenal dengan keislaman mereka seperti Rasulullah sendiri ataupun Abu Bakar RA. Ini kerana mengelak diserbu oleh Quraisy dan ditangkap mereka yang lemah dikalangan hamba dan seumpamanya.

Walaupun apa yang berlaku dakwah perlu diteruskan. Mehnah dan tribulasi dalam jalan dakwah tidak akan pernah ada penghujungnya bagi sesebuah gerakan dakwah.

Tentulah semua para sahabat ketika itu yang mampu menginfakkan rumah memberi tawaran dan mengalu-alukan rumah mereka dijadikan pusat dakwah. Namun Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam terletak di bukit Safa di kawasan perkampungan Bani Makhzum menjadi pilihan Rasulullah SAW.



Mengapakah Rumah Al-arqam menjadi pilihan?

1. Disebut oleh para ulama pengkaji sirah, al-Arqam bin Abi al-Arqam merupakan seorang pemuda yang berumur belasan tahun. Ada juga riwayat yang beliau baru sahaja mendirikan rumah tangga. Hidayah sampai kepadanya lalu beliau menyerahkan seluruh jiwa dan raga kepada agama Allah. Quraisy tidak akan menyangka seorang pemuda biasa dari kalangan Quraisy yang baru melihat dunia akan memeluk Islam dan pilih untuk menentang kekufuran memilih Muhammad berbanding kaumnya sendiri. Mereka tidak menyangka dia sematang itu untuk membuat keputusan yang besar sebegitu.
2. Rumah al-Arqam terletak di kawasan bukit safa yakni di dalam kawasan luar sedikit dari Mekah. Tidak jauh dari Mekah, umpama perkampungan sebahagian kabilah yang agak jauh sedikit dari kawasan bandar. Secara aqlinya, Quraisy tidak akan menyangka berlaku perhimpunan di tengah-tengah kawasan Mekah. Mereka pasti lari sejauh mungkin untuk bersembunyi.
3. Al-Arqam bin Abi al-Arqam al-Makhzumi daripada kabilah Bani Makhzum merupakan salah satu suku arab Quraisy yang dikenali dengan kepahlawanan mereka. Apa jua peperangan yang disertai oleh Quraisy Bani Makhzum merupakan kabilah yang akan mengambil tempat di muqaddimah al-Jaisy (barisan hadapan tentera). Oleh itu, amat tipis kemungkinan pertemuan yang akan berlaku di dalam salah satu rumah Bani Makhzum berbanding perkampungan Bani Abdul Manaf, Bani Muttalib yang mana salah seorang daripadanya adalah Rasulullah SAW.

Strategi dakwah ini amat berkesan dan telah membentuk ramai sahabat yang bertalaqi terus dengan Rasulullah SAW. Tidak kurang juga sahabat-sahabat yang pergi memeluk Islam di rumah al-Arqam seperti Saidina Hamzah dan Saidina Umar bin al-Khattab RA. Di rumah tersebutlah mereka mengucap dua kalimah syahadah. Dan di markaz inilah mereka belajar Islam, bertaaruf, membina kekuatan umat Islam pertama, berbincang untuk melangkah satu langkah ke hadapan disebalik segala mehna yang ada di sekeliling mereka.

Betapa besarnya jiwa anak muda al-Arqam ini yang sanggup berkorban demi agama Islam. Sekiranya tertangkap, pasti suatu tindakan keras akan dikenakan ke atasnya oleh kaum Bani Makhzum yang kuat menentang Islam dan Rasulullah SAW ketika itu.

Betapa pentingnya peranan sebuah markaz tempat umat Islam berkumpul untuk belajar ilmu agama mereka setelah memeluk Islam. Alhamdulillah umat Islam hari ini mempunyai institusi yang banyak untuk mentuntut ilmu seperti masjid, pondok, universiti dan lain-lain. Institusi-institusi ini perlu dipelihara dan diambil perhatian supaya dapat membentuk umat Islam yang kuat sepertimana Rasulullah SAW berjaya membentuk para sahabat suatu ketika dahulu.

Pemuda-pemuda hari ini bahkan orang dewasa perlu mengambil semangat sahabat al-Arqam ini. Sekiranya rumah sendiri diperlukan untuk agama Allah, maka bukan setakat rumah, malah jiwa dan raga sekali turut dikorbankan ke jalan Allah SWT.



Konspirasi Durjana Iblis DI DARUL NADWAH

Oleh:

Dr. Mohamad Muhaimin bin Mohamad Zaki
Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia

Musyrikin Mekah semakin terancam dengan gelombang dakwah yang digerakkan oleh Rasulullah SAW. Kebanyakkan mereka mendapati bahawa kebanyakan orang yang rapat dengan Baginda SAW terutamanya dalam kalangan sahabat rapat telah pun bertindak dengan melakukan berbagai persiapan bagi menuju ke Yathrib (nama asal negeri Madinah Al Munawwarah). Antara persiapan yang dilakukan adalah dengan membawa keluar ahli keluarga termasuk anak-anak kecil dan harta benda mereka menuju ke Yathrib. Melihat situasi tersebut, bermulalah perasaan bimbang dan takut menyelubungi pemimpin musyrikin Mekah. Sekiranya perkara ini dibiarkan, maka pasti akan menggugat kedudukan politik dan seterusnya mengancam agama nenek moyang mereka yang telah lama dianuti sebelum ini.

Walaupun pada ketika itu dua kabilah yang menetap di Yathrib iaitu Aus dan Khazraj sedang bertelingkah dan bermusuhan, namun mereka sedar bahawa sosok keperibadian Muhammad SAW sememangnya amat diyakini mampu menyatupadukan dua pihak yang bertelingkah itu. Ini kerana, terdapat pelbagai perkara yang berlaku sebelum itu yang menunjukkan Baginda SAW mahir dalam merungkaikan konflik perbalahan antara pihak yang bermusuhan seperti peristiwa perletakan batu hajarul aswad yang telah berjaya menyelamatkan pertumpahan darah daripada berlaku sesama mereka.

Gelombang Kebangkitan Dakwah Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, mereka sungguh yakin dengan kesungguhan para sahabat yang sanggup berkorban demi mempertahankan Baginda SAW dan rela melakukan apa sahaja demi berjihad di jalan Allah SWT. Malah, persengketaan antara kabilah-kabilah daripada Aus dan Khazraj itu sendiri akan semakin terlerai kerana penerapan nilai kasih sayang yang dianjurkan oleh Muhammad SAW. Selain itu, pengalaman pahit yang dirasakan sejak berpuluh tahun lamanya akibat perang saudara antara kedua-dua pihak mengajar mereka bahawa dendam permusuhan yang berlaku sebelum ini tidak membawa keuntungan malah menjadikan kehidupan mereka bertambah buruk. Ini kerana kedua-dua kabilah ini juga mempunyai kekuatan pertahanan yang kental dalam menghadapi pihak musuh.

Lokasi Yathrib yang strategik terhadap rombongan perdagangan juga amat merisaukan pihak musyrikin Mekah. Laluan tersebut merupakan laluan strategik kepada para pedagang khususnya mereka yang menjadikan kawasan persiaran Laut Merah dari negara Yaman bagi menuju ke Syam yang terkenal dengan pusat perdagangan yang pesat pada ketika itu. Sejak sekian lama, pedagang dari Mekah yang menjalankan kegiatan perdagangan di Syam memperoleh hasil yang begitu lumayan dengan nilai jutaan dinar setiap tahun serta nilai dagangan yang banyak hasil daripada kegiatan ekonomi di kawasan Taif dan kawasan sekitarnya. Selain itu, kawasan perdagangan ini dikatakan lebih selamat berbanding dengan laluan alternatif lain untuk menjalankan kegiatan perdagangan daripada risiko rompakan dan sebagainya.

Menyedari fenomena rancak yang berlaku dalam dakwah yang dijalankan oleh Muhammad SAW dan para sahabat seandainya kegiatan ini akan berkembang pesat di Yathrib, maka pemimpin musyrikin Mekah mula merancang sesuatu yang bertujuan mengekang daripada dakwah Baginda SAW mula tersebar luar sekaligus memberikan ancaman terhadap kedudukan mereka di Mekah. Lantas, mereka mula merancang strategi demi strategi bagi mengatasi perkara ini.

Langkah ini dirasakan perlu kerana dakwah Islam yang disebarkan oleh Muhammad SAW dilihat sebagai satu ancaman yang besar. Sekiranya ia tidak ditangani, akan berisiko menjadi ancaman yang serius seterusnya menggugat kepentingan dan kuasa mereka. Ini kerana, kebanyakan pemimpin Mekah pada ketika itu melakukan penindasan terhadap penduduk Mekah dengan mengenakan cukai-cukai yang tinggi, mengamalkan riba, memonopoli perniagaan dan melakukan banyak lagi amalan jahiliah yang lain. Oleh itu apabila kedatangan Islam, mereka terasa diancam dan bertindak demi mempertahankan kepentingan-kepentingan jahiliah mereka. Ini kerana kedatangan Islam akan menghancurkan amalan-amalan jahiliah yang diaplikasikan sebelum ini. Malah, segala macam keputusan yang dibuat di dalam Darul Nadwah juga hanya berdasarkan hawa nafsu mereka semata-mata dan hanya menjaga manfaat golongan-golongan elitis musyrikin Mekah pada waktu itu tanpa sesekali memikirkan golongan bawahan yang terdiri daripada rakyat biasa yang serba kesusahan.



Darul Nadwah

Lokasi Berkumpulnya Pembesar Mekah

Bertempat di Darul Nadwah yang merupakan tempat berkumpulnya pemimpin Mekah untuk melakukan mesyuarat. Darul Nadwah juga merupakan tempat bagi melakukan keputusan-keputusan penting dalam politik dan pentadbiran Mekah, Antara keputusan penting yang pernah dilakukan oleh anggota Darul Nadwah adalah memboikot umat Islam selama lebih 3 tahun, menyeksa golongan hamba yang memeluk Islam dan pada kali ini adalah untuk membunuh Muhammad SAW.

Justeru, pada hari Khamis 26 Safar tahun ke-14 kenabian, bersamaan 12 September 622 Masihi iaitu selepas dua bulan setengah daripada peristiwa Bai'ah Aqabah yang kedua, diadakan suatu perbincangan serius berkenaan isu ini. Dalam persiangan yang dihadiri oleh semua pemimpin kabilah Quraisy tersebut, tujuan utama yang difokuskan adalah untuk membincangkan ketetapan segera bagi menghapuskan Muhammad SAW sekaligus dapat menghentikan risalah dakwah Islam yang mula tersebar dengan pesat pada ketika itu. Beberapa nama tokoh terkemuka yang hadir dalam persidangan ini mewakili kabilah Quraisy seperti berikut;

1. Abu Jahal bin Hisham; mewakili kabilah Bani Makhzum.
2. Syaybah dan 'Utbah bin Rabi'ah serta Abu Sufiyan bin Harb; mewakili Bani 'Abd Shams bin 'Abd Manaf.
3. Jubayr bin Mut'imah, Ta'imah bin A'diy dan Al Harith bin 'Amir; mewakili Bani Nawfal bin 'Abd Manaf.
4. Abu al Bkhtariy bin Hisham, Zam'ah bin Aswad dan Hakim bin Hizam; mewakili Bani Asad bin 'Abd al 'Uzza.
5. Al-Nadr bin al Harith (iaitu orang yang pernah mencampakkan uri unta ke atas Rasulullah SAW) mewakili Bani 'Abd al Dar.
6. Nabih dan Muhabbih bin Hajjaj, mewakili Bani Sahn.
7. Umayyah bin Khalaf mewakili Bani Jumah.

Langkah Jahat Iblis Menyamar Sebagai Manusia

Namun, ketika tibanya ahli mesyuarat di Darul Nadwah seperti waktu yang telah ditetapkan, mereka bertemu dengan iblis yang pada ketika itu menyamar seperti orang tua yang kelihatan berpakaian terhormat sedang berdiri dihadapan pintu masuk utama Darul Nadwah. Apabila ditanya kepada orang tua tersebut siapakah orang tua ini? Lalu dijawab iblis yang menyamar sebagai manusia bahawa aku merupakan penduduk Najd yang telah mendengar segala rancangan dan strategi kamu bagi menjalankan konspirasi bagi membunuh Muhammad SAW. Oleh itu, aku hadir ke sini untuk bersama-sama mendengar apa yang kamu bincangkan agar kamu dapat memberikan pandangan serta strategi yang akan digunakan. Mendengar jawapan tersebut, orang tua itu dibenarkan masuk lalu masuklah iblis bersama-sama dengan mereka.

Permulaan rancangan jahat iblis di Darul Nadwah

Ketika mesyuarat dimulakan, wakil daripada setiap kabilah diminta untuk memberikan pandangan masing-masing. Fokus mereka pada waktu itu cumalah satu, hanya mahu untuk menghapuskan insan yang bernama Muhammad SAW. Ketika mesyuarat berlangsung, salah seorang ahli mesyuarat menyatakan pandangannya agar dipenjarakan Muhammad SAW dalam kurungan besi sehingga tamat riwayatnya seperti seorang penyair Arab yang bernama Zuhair an-Nabighah.

Mendengar cadangan tersebut, iblis yang menyamar sebagai insan terhormat pun mengatakan bahawa cadangan itu adalah tidak sesuai. Dia berhujah sekiranya Muhammad SAW dipenjarakan, arahnya pasti akan diterima oleh para sahabat di balik jeriji besi tersebut lalu musyrikin Mekah akan diserang. Oleh itu, cadangan tersebut tidak dipersetujui.

Seterusnya, timbul pula cadangan kedua iaitu dicadangkan agar Muhammad SAW diusir dari Mekah seterusnya masyarakat Mekah melupakan dirinya. Lantas, cadangan itu ditolak sekali lagi oleh iblis yang menyamar dengan mengatakan bahawa itu bukanlah keputusan yang terbaik. Ini kerana, Muhammad SAW memiliki keperibadian yang baik dan ucapan dan tutur manisnya pasti akan berjaya memikat orang lain untuk bersama-sama dengannya. Baginda SAW akan masuk ke serata tempat seperti perkampungan dan pedalaman Arab. Akhirnya, jumlah pengikutnya akan bertambah ramai dan ketika itu musyrikin Mekah pasti akan diserang oleh mereka.

Cadangan bapa saudara bagi membunuh anak saudaranya sendiri

Setelah sekian lama mesyuarat berlangsung, akhirnya tibalah giliran Abu Jahal selaku ketua mesyuarat yang memberikan cadangan agar setiap kabilah menghantar seorang pemuda yang gagah perkasa dan mereka diberikan sebilah pedang yang digunakan untuk membunuh Muhammad SAW. Kita semua tidak perlu risau kerana Bani Abd Manaf tidak akan mampu memerangi semua kabilah yang bertindak membunuh Muhammad yang merupakan keluarga mereka. Akhirnya, pasti mereka akan pasrah dengan diyat lalu kita semua akan membayar diyat itu kepada Bani Abd Manaf.

Mendengar cadangan tersebut, iblis yang menyamar sebagai orang tua dari Najd tersebut segera menyokong cadangan tersebut dengan mengatakan bahawa inilah cadangan dan langkah yang terbaik bagi menghapuskan Muhammad SAW. Dengan sokongan itu, kesemua ahli mesyuarat di Darul Nadwah juga sebulat suara menyokong cadangan daripada Abu Jahal untuk membunuh anak saudaranya sendiri. Sebaik sahaja keputusan jahat itu diputuskan untuk membunuh Rasulullah, malaikat Jibril AS pun turun menemui Rasulullah SAW, memberitahu pakatan jahat yang telah dirancang sebagai persediaan Baginda untuk segera berhijrah ke Yathrib.

Dengan adanya keputusan itu, maka bermulalah siri konspirasi dan perancangan bagi membunuh Muhammad SAW dalam peristiwa pengepungan rumah Rasulullah SAW.



Bagaimana untuk ISTIQAMAH DALAM BERTAUBAT

Oleh:

Muhammad Iqwan bin Ahmad Zaidi

Kejadian seorang insan itu secara semulajadinya mempunyai kecenderungan untuk melakukan dosa dan terjerumus ke lembah maksiat. Manusia memang pasti akan melakukan kesilapan dan kesalahan di dalam hidupnya. Al-Quran sendiri telah menjelaskan tentang tabiat semulajadi ini yang wujud dalam jiwa manusia. Allah SWT berfirman:

﴿ فَالْهَمَّهُمَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴾

"Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya."

[Ash-Shams:8]

Walaupun begitu jiwa manusia itu pasti akan terdetik menyedari betapa seriusnya kesalahan dan keburukan tingkah lakunya, Maka dia terus bangkit bersegera memperbaiki jalannya setelah merasakan kepahitan dan keresahan akibat dari perbuatan dosanya itu. Ianya sebagai respon kepada suara hatinya dan penyesalan kerana terlibat dengan dosa. Fitrahnya mencetuskan rasa keinsafan dan berharap kepada keampunan Ilahi serta bersegera untuk bertaubat kerana takutkan azab yang akan menyimpannya.

Taubat menurut Imam Al-Ghazali ialah rasa penyesalan di dalam diri yang menerbitkan tekad dan keazaman untuk tidak kembali mengulangi dosa yang telah dilakukan. Nabi Muhammad SAW bersabda:

قال عليه الصلاة والسلام: " الندم توبة "

"Telah bersabda Nabi Muhammad SAW: Penyesalan itu adalah taubat"

[Sunan Ibnu Majah 4252]

Taubat juga boleh difahami sebagai sebuah penghijrahan manusia daripada kebiasaannya melakukan dosa kepada meninggalkannya. Untuk mengekalkan diri bebas dari perbuatan dosa setelah bertaubat adalah perkara yang sukar dan tidak mudah serta menuntut perjuangan yang berterusan. Justeru penghayatan terhadap beberapa hakikat berikut secara berterusan dapat membantu seseorang untuk terus istiqamah dalam bertaubat.

SETIAP DOSA DAN MAKSIAT *akan melenyapkan ketenangan jiwa yang dimiliki*

Ketenangan dan kedamaian itu terletak di hati. Hakikat ini boleh kita fahami apabila kita melihat sejenak kepada bukti nyata yang berlaku dalam kehidupan kita. Berapa ramai orang yang memiliki harta kekayaan, wang ringgit, pangkat dan memiliki segala asbab material di sisinya, namun mereka tidak dapat menikmati ketenangan di dalam hidup. Bahkan sebaliknya pula, mereka yang menikmati kedamaian dan kebahagiaan hidup datang daripada mereka yang serba-serbi kekurangan dan tidak memiliki asbab material yang banyak. Ini memberi isyarat jelas kepada kita semua bahawa ketenangan itu datang dari dalam hati manusia.

Sepertimana Allah menjadikan badan itu hidup dengan makan dan minum, begitu jugalah hati akan terus hidup dengan berterusan mentaati Allah dan meninggalkan dosa. Apabila seseorang itu bergelumang dengan dosa maka beliau akan semakin jauh dari kebenaran dan rahmat Allah SWT. Sekaligus hatinya akan hilang deria dan menjadi mati. Akibatnya hatinya tidak dapat lagi merasa kedamaian dan ketenangan bahkan kerap diulit keresahan. Sabda Nabi Muhammad SAW:

عَنِ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ،
وَإِثْمٌ مَا حَاكَ فِي نَفْسِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ.

Dari Nawwas bin Sam'an radhiyallahu 'anhu dari Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam beliau bersabda: "Kebaikan itu adalah akhlak yang baik, kejelekan (dosa) itu adalah sesuatu yang meresahkan jiwamu dan engkau benci apabila manusia mengetahuinya."

(HR. Muslim)

Hilangnya ketenangan jiwa merupakan bencana besar dalam hidup manusia. Manusia tidak mampu lagi menjalani kehidupan yang sempurna dan normal tanpa ketenangan jiwa. Begitulah kesannya jika kita melakukan dosa. Meskipun maksiat itu tidaklah memberi sebarang kesan terhadap fizikal manusia, namun kesan buruknya pasti akan tetap berlaku kepada jiwa yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Maka janganlah kita sesekali melakukan dosa atau kembali melakukannya setelah bertaubat.

SEKSA NERAKA

itu amat pedih dan menggerunkan

Orang yang melakukan dosa setelah mengetahui larangan Allah akan dibalas dengan seksaan pedih di akhirat kelak. Bahkan penciptaan neraka itu sendiri merupakan tempat pembalasan bagi orang yang mengingkari Allah dan bermaksiat kepadaNya. Dalam Al-Quran terlalu banyak ayat yang menggambarkan kegerunan seksaan neraka. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصَلِّيهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَّلْنَاهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا
الْعَذَابَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada ayat-ayat Kami, kelak akan Kami masukkan mereka ke dalam neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami ganti kulit mereka dengan kulit yang lain, supaya mereka merasakan azab. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*"

[An Nisa":56]

﴿يُصْهَرُ بِهِ مَا فِي بُطُونِهِمْ وَالْجُلُودُ ۚ ٢٠ وَلَهُمْ مَقْمِعٌ مِنْ حَدِيدٍ ۚ ٢١ كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا
مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا فِيهَا وَذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ۚ ٢٢﴾

"*Dengan air itu dihancur luluhkan segala apa yang ada dalam perut mereka dan juga kulit (mereka). Dan untuk mereka cambuk-cambuk dari besi. Setiap kali mereka hendak ke luar dari neraka lantaran kesengsaraan mereka, niscaya mereka dikembalikan ke dalamnya. (Kepada mereka dikatakan), "Rasailah azab yang membakar ini".*

[Al Hajj:20-22]

﴿إِنَّ شَجَرَتَ الزَّقُّومِ ۚ ٤٣ طَعَامُ الْأَثِيمِ ۚ ٤٤ كَالْمُهْلِ يَغْلِي فِي الْبُطُونِ ۚ ٤٥ كَغَلِيِّ الْحَمِيمِ ۚ ٤٦ خُذُوهُ
فَاعْتَلُوهُ إِلَىٰ سَوَاءِ الْجَحِيمِ ۚ ٤٧ ثُمَّ صُبُّوا فَوْقَ رَأْسِهِ مِنْ عَذَابِ الْحَمِيمِ ۚ ٤٨ ذُوقْ إِنَّكَ مِنَ الْعَزِيزِ
الْكَرِيمِ ۚ ٤٩ إِنَّ هَذَا مَا كُنْتُمْ بِهِ تَمْتَرُونَ ۚ ٥٠﴾

"*Sesungguhnya pohon zaqqum itu, Makanan orang yang banyak berdosa. (Ia) sebagai kotoran minyak yang mendidih di dalam perut, Seperti mendidihnya air yang amat panas. Peganglah dia kemudian seretlah dia ke tengah-tengah neraka. Kemudian tuangkanlah di atas kepalanya siksaan (dari) air yang amat panas. Rasakanlah, sesungguhnya kamu orang yang perkasa lagi mulia. Sesungguhnya ini adalah azab yang dahulu selalu kamu meragu-ragukannya."*

[Ad Dukhan:43-50]

﴿إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ۚ ٢١ لِلطَّالِعِينَ مَنَابًا ۚ ٢٢ لِلْبَاسِ فِيهَا أَحْقَابًا ۚ ٢٣ لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ۚ ٢٤ إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ۚ ٢٥ جَزَاءً وَفَاقًا ۚ ٢٦﴾

Sesungguhnya neraka Jahannam itu (padanya) ada tempat pengintai, lagi menjadi tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui batas, Mereka tinggal di dalamnya berabad-abad lamanya, mereka tidak merasakan kesejukan di dalamnya dan tidak (pula mendapat) minuman, selain air yang mendidih dan nanah, sebagai pembalasan yang setimpal.

[An Naba':21-26]

Seluruh gambaran seksaan ini jika dihayati secara berterusan pasti akan mendatangkan kegerunan tiap kali kita ingin kembali mengulangi dosa lampau.

SUASANA YANG BAIK (BIAH SOLEHAH)

boleh mengukuhkan keazaman menjauhi maksiat dan dosa

Suasana memainkan peranan yang penting dalam menguatkan keazaman seseorang. Setelah bertaubat, seseorang itu hendaklah keluar berpindah kepada suasana yang lebih baik agar dapat memelihara dirinya dari mengulangi maksiat yang dilakukan.

Antara usaha yang mesti dilakukan setelah bertaubat ialah memilih persekitaran dan teman yang lebih baik. Jauhilah tempat-tempat maksiat apatah lagi bergaul dengan ahli maksiat. Tukar segala rutin harian dan penuhilah dengan aktiviti yang bermanfaat. Elakkan diri dari bersendirian di kebanyakan waktu.

Syaitan tidak akan pernah sunyi dan berhenti dari membisikkan kejahatan agar anak Adam itu terus bergelumbang dengan dosa. Sabda Nabi SAW:

فَاتَّمَا يَأْكُلُ الذَّبُّ مِنَ الْغَمِّ الْقَاصِيَةَ

"*Sesungguhnya serigala itu akan memakan kambing yang bersendirian*"

[HR Abu Daud, An-Nasaie dan Ahmad]

KESIMPULAN

Imam Ibnu Katsir pernah menyebutkan di dalam tafsirnya: "Sesungguhnya sesiapa yang hidup dengan suatu kebiasaan tertentu, maka dia juga akan dimatikan di atas kebiasaan tersebut". Teruskanlah beristiqamah dengan taubat dan kekalah berjuang meninggalkan dosa. Semoga Allah mencabut nyawa kita dalam keadaan kita sedang melazimi taubat dalam hayat kita. Bayangkan, apa kesudahan kita nyawa dicabut sedang kita melakukan dosa? Apakah pula jawapan kita ketika disoal oleh Allah kelak?

MALAYSIA MADANI  #DarTintaMembentukJiwa

SET B

COMBO RAHMAH

DISKAUN 20%

RM375.00 ~~JIMAT RM75.00~~
RM300.00

ISI-ISU KALAM HARAM PUASA
 ENSIKLOPEDIA ULAMA PENYAMUTAN
 JIHAD 1

KEDAI BUKU JAKIM

MALAYSIA MADANI  #DarTintaMembentukJiwa

SET A

COMBO RAHMAH

DISKAUN 20%

RM375.00 ~~JIMAT RM75.00~~
RM300.00

TALIMUL MUJIBAH MUTTAQIN
 ISLAM MENDEKANI CARARAN
 Kisah-Kisah Halwan Balwan AL-QUR'AN

870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM

MALAYSIA MADANI  #DarTintaMembentukJiwa

COMBO M.A.D.A.N.I.

DISKAUN 40%

RM1,662.00 ~~JIMAT RM664.80~~
RM997.20

JAMI AT-TIRAZI
 ROH
 MUTTAAQIN
 ISLAM

MALAYSIA MADANI  #DarTintaMembentukJiwa

SET A

COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

RM200.00 ~~JIMAT RM20.00~~
RM180.00

JAMI AT-TIRAZI
 ROH
 SYIAH

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM

MALAYSIA MADANI  #DarTintaMembentukJiwa

SET C

COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

RM111.10 ~~JIMAT RM11.10~~
RM99.99

KARABAS
 MUTTAAQIN
 PENGHAJIAN ISLAM
 KESIAPE MENYEDIA ASAK

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM

MALAYSIA MADANI #DariTintaMembentukJiwa

SET B COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

JAMAT RM11.00
RM100.00

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENF

MALAYSIA MADANI #DariTintaMembentukJiwa

COMBO G.R.E.A.T

EXTRA PLUS+ COMBO

RM50 SAHAJA

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM

MALAYSIA MADANI #DariTintaMembentukJiwa

COMBO S.E.J.I.W.A.

RM30 SAHAJA

SET A 1 PLUS+1

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM

MALAYSIA MADANI #DariTintaMembentukJiwa

COMBO IHSAN

LICIN STOK

RM10 SAHAJA

KEDAI BUKU JAKIM 03-8870 7445 #TEAMPENERBITANJAKIM



كاتب وكمبيوتر اسلام مليسيا
 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

#DariTintaMembentukJiwa



KEDAI BUKU JAKIM

03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM

